

Media: Harian Metro online

Date: 21 Apr 2022

Nauraj mahu kekalkan emas lompat tinggi

Saiful Affendy Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my



PENGARAH Urusan dan CEO Ajinomoto Malaysia Berhad, Tomoharu Abe (empat dari kanan) bergambar bersama atlet Malaysia, (dari kanan) Queenie Ting Kung Ni, Norliyana Kamaruddin dan Nauraj Singh sempena sidang media Ajinomoto bekerjasama bersama atlet negara, hari ini. FOTO AMIRUL JOHARI

Kuala Lumpur: Jaguh lompat tinggi negara, Nauraj Singh Randhawa mahu memastikan pingat emas dimenangi bekas rakan sepasukannya, Lee Hup Wei di Sukan Sea Filipina 2019 dapat dipertahankan pada edisi seterusnya di Hanoi, Vietnam bulan depan.

Hup Wei mengumumkan persaraan bulan lalu selepas tidak layak beraksi di Hanoi, sekali gus menyaksikan sandaran ketika ini pastinya terletak kepada Nauraj.

"Setiap kali mewakili negara, saya akan memberikan segala-galanya dan begitulah apabila beraksi di Sukan Sea Hanoi nanti.

"Saya sememangnya meletakkan sasaran untuk membawa pulang emas. Saya tak berminat untuk fokus kepada rekod ketinggian, hanya muh berikan yang terbaik dan fokus 100 peratus ketika berlangsungnya kejohanan," katanya.

Nauraj mengakui dia amat merasai ketiadaan Hup Wei yang selama ini sentiasa bersama-sama dengannya di mana-mana kejohanan termasuk di Sukan Sea.

Iklan ditutup oleh
Google

Katanya, mereka banyak menghabiskan masa bersama, pergi ke mana-mana di seluruh dunia bersama-sama, namun semua itu hanya tinggal kenangan.

"Saya pastinya amat merinduinya sepanjang hidup saya. Walaupun Hup Wei sudah bersara, dia sentiasa menjadi sahabat baik saya," katanya ketika ditemui pada majlis tajaan Ajinomoto Malaysia Berhad kepadanya dan dua atlet lagi iaitu Norliyana Kamaruddin (heptathlon) serta Queenie Ting Kung Ni (lempar cakera), hari ini.

Nauraj yang memenangi emas di Sukan Sea Kuala Lumpur (KL2017), sekadar berpuas hati dengan perak apabila tewas kepada Hup Wei di Filipina.

Selain Nauraj, atlet muda, Mohamad Eizlan Dahalan yang mengantikan tempat Hup Wei turut akan beraksi di Hanoi.

Malaysia menjadi kuasa besar dalam acara lompat tinggi bermula era Loo Kum Zee pada 1995 hingga 2003 sebelum dikuasai oleh Hup Wei 2007, 2009, 2011 dan 2019 manakala Nauraj memenanginya pada edisi 2013, 2015 dan 2017.